

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

: BUKAN LISAN

PERTANYAAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

NO. SOALAN : 398

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara jelas peranan dan objektif RTC di desa-desa.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah menjenamakan semula RTC secara bersekali dengan Mini RTC pada 11 Oktober 2018 sebagai Pusat Komuniti Desa (PKD). Objektif penubuhan PKD adalah bagi memastikan penduduk di kawasan luar bandar mendapat kemudahan perkhidmatan kerajaan yang sama seperti di kawasan bandar dan membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan rakyat.

Selaras dengan penjenamaan semula tersebut, di samping meneruskan peranan RTC dan Mini RTC, PKD turut melaksanakan beberapa peranan baharu. Antara peranan PKD adalah seperti berikut:

- i. Sebagai pusat latihan kemahiran kepada penduduk luar bandar dalam bidang ekonomi, keusahawanan, pertanian dan teknologi maklumat. Melalui kemahiran yang diperolehi mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan atau meningkatkan peluang mereka bagi mendapatkan pekerjaan.

- ii. Sebagai pusat aktiviti wanita di mana program-program khusus untuk wanita dibuat bagi memperkasakan wanita luar bandar.
- iii. Sebagai pusat perkhidmatan setempat bagi agensi-agensi kerajaan dan pusat penyaluran maklumat bagi masyarakat setempat bagi memudahkan penduduk luar bandar mendapatkan perkhidmatan tersebut di lokasi yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka. Contohnya Klinik Komuniti dan Pergigian, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), agen Bank Perbankan Elektronik (EBB) dan insuran.
- iv. Sebagai pusat aktiviti komuniti bagi program-program berteraskan kemasyarakatan dan kesukarelawanan. Contohnya kelas tuisyen untuk anak sekolah, acara amal, ceramah kesedaran, Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN), dan aktiviti gotong-royong.
- v. Sebagai pusat pembangunan usahawan luar bandar melalui program-program pembangunan keusahawanan bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetensi usahawan luar bandar. Sebagai hub bagi memasarkan produk-produk usahawan luar bandar, contohnya hasil pertanian dan produk usahawan luar bandar.